



## SIARAN MEDIA

### KUALITI PENDIDIKAN TVET NEGARA TERUS MENINGKAT

**SELASA, 19 APRIL 2023**

---

**PUTRAJAYA, 19 APRIL 2023** – Sebanyak 193 program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dalam pelbagai bidang telah mendapat pelanjutan Akreditasi Penuh oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Program-program berkenaan meliputi 10 kategori bidang seperti Diploma Teknologi Mekanisasi Agro, Diploma Teknologi Elektronik, Diploma Teknologi Automotif, Diploma Teknologi Kimpalan, Diploma Teknologi Pembinaan, Diploma Teknologi Elektrik, Diploma Teknologi Pemprosesan Kayu dan Kemasan, Diploma Teknologi Maklumat, Diploma Teknologi Pemesinan Industri, Diploma Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara, Diploma Teknologi Sistem Pengurusan Pangkalan Data dan Aplikasi Web serta Diploma Animasi 3D daripada Kolej Vokasional di seluruh negara.

Pelanjutan Akreditasi Penuh dipohon oleh pusat pengajian yang sebelum ini tidak diberikan tempoh maksimum penawaran program kerana terdapat beberapa syarat berkaitan yang tidak dapat dipenuhi. Namun, mereka telah berjaya menambahbaik beberapa kriteria seperti yang telah ditetapkan oleh MBOT dan diberikan pelanjutan tempoh akreditasi. Hasil penilaian oleh panel pakar MBOT, kolej-kolej vokasional tersebut telah diberikan penambahan tempoh akreditasi sehingga tempoh maksimum iaitu enam tahun.

Akreditasi program-program TVET termasuk di kolej-kolej vokasional merupakan salah satu aspek penting untuk memastikan jaminan kualiti program-program yang ditawarkan. Proses penilaian akreditasi dilaksanakan secara menyeluruh serta berdasarkan polisi yang ditetapkan oleh Majlis Kelayakan Malaysia (MQA). Pelanjutan ini membuktikan bahawa standard dan kualiti program yang ditawarkan oleh kolej-kolej vokasional berada pada tahap yang tinggi.

Penambahbaikan yang dijalankan oleh kolej-kolej vokasional untuk mematuhi standard yang ditetapkan oleh MBOT menunjukkan komitmen mereka dalam memastikan kualiti pendidikan TVET di negara ini sentiasa ditambahbaik secara berterusan.

Graduan daripada program-program ini turut berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana Muda dalam program Sarjana Muda Teknologi (Bachelor of Technology – B.Tech) yang ditawarkan oleh Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia iaitu Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Tun Hussein Onn dan Universiti Teknikal Melaka.

Akreditasi daripada MBOT akan membantu graduan-graduan TVET dalam kebolehpasaran apabila mereka tamat pengajian kerana penekanan diberikan terhadap aspek aplikasi, penyelesaian masalah dan penglibatan industri termasuk teknologis dan juruteknik daripada industri.

Selain itu, MBOT juga menekankan pelbagai aspek lain dalam kerangka penilaian akreditasi seperti kualiti program, kaedah penilaian pelajar, kualiti pengajar, fasiliti dan infrastruktur, tadbir urus serta penambahbaikan kualiti berterusan.

MBOT juga menyeru kepada semua majikan termasuk di sektor awam dan swasta untuk menerima serta memberi upah yang sewajarnya kepada graduan-graduan TVET seperti mana yang dihasratkan oleh pihak Kerajaan.

**-TAMAT-**

---

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf, mengawal, menggalak dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

[t.nabila@mbot.org.my](mailto:t.nabila@mbot.org.my)

+603-8800 6268/+6017-798 2604